

CABARAN PENGURUSAN SUMBER PENDAPATAN BAITULMAL DI MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (MUIP)

CHALLENGES IN MANAGING BAITULMAL REVENUE SOURCES AT THE PAHANG ISLAMIC RELIGIOUS AND MALAY CUSTOMS COUNCIL (MUIP)

Muhammad Assyifaa Ulhayat Jahidin¹, Mohammad Ramzi Zakaria¹, Mohamad Hilmi Mat Said²

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

²Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang al-Sultan Abdullah, Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan cabaran dan strategi memperkasa pengurusan sumber pendapatan Baitulmal di bawah seliaan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Sebagai institusi kewangan Islam yang berperanan penting dalam menguruskan harta umat Islam termasuk zakat, wakaf, dan sedekah, kecekapan Baitulmal amat bergantung kepada kemampuan menjana pendapatan secara bersepadu dan lestari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual separa berstruktur melibatkan tujuh (7) orang informan yang terdiri daripada pegawai kanan MUIP, ahli akademik, dan tokoh korporat yang berpengalaman dalam bidang pengurusan Baitulmal. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah triangulasi bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat dua cabaran utama dalam pengurusan sumber pendapatan Baitulmal MUIP, iaitu keperluan kepada pertambahan dan kepelbagaian sumber pendapatan, dan cabaran kolaborasi dengan pihak berkepentingan. Kelemahan kutipan zakat berbanding negeri-negeri lain serta kekangan dalam pelaksanaan pelaburan ekonomi berasaskan wakaf dikenal pasti sebagai faktor utama yang menjejaskan keupayaan kewangan institusi. Selain itu, isu birokrasi, kekurangan tenaga kerja berkemahiran, dan tahap kerjasama yang rendah antara agensi turut menjadi halangan kepada keberkesanan operasi. Bagi mengatasi cabaran tersebut, kajian ini mencadangkan beberapa strategi utama, termasuk diversifikasi sumber pendapatan melalui pelaburan strategik berasaskan syariah, pendigitalan sistem kutipan dan agihan, peningkatan kompetensi sumber manusia, pengukuhan jaringan kerjasama strategik, serta semakan semula kerangka perundangan dan dasar dalaman. Cadangan ini diharap dapat memperkukuh kedudukan kewangan Baitulmal MUIP sekaligus memastikan institusi ini terus relevan sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi umat Islam di negeri Pahang. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa transformasi pengurusan Baitulmal secara holistik amat diperlukan bagi menjamin kelestarian fungsinya sejajar dengan maqasid syariah dan aspirasi pembangunan Islam kontemporari.

Kata Kunci: Cabaran, Sumber Pendapatan Baitulmal, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Mac 2025

Disemak: 7 April 2025

Diterbit: 28 April 2025

*Corresponding Author:

Mohamad Rahijan Abdul Wahab,
Faculty of Fisheries and Food
Science, Universiti Malaysia
Terengganu.

Email: rahijan@umt.edu.my

Abstract

This article discusses the challenges and strategies in strengthening the management of Baitulmal's income sources under the supervision of the Pahang Islamic Religious and Malay Customs Council (MUIP). As an Islamic financial institution that plays a crucial role in managing the wealth of the Muslim community including zakat, waqf, and charity the efficiency of Baitulmal largely depends on its ability to generate income in an integrated and sustainable manner. This study employs a qualitative approach through semi-structured interviews involving seven (7) informants, comprising senior MUIP officers, academics, and corporate figures experienced in Baitulmal management. The findings were analyzed using triangulation methods to ensure the validity and reliability of the results. The study reveals two main challenges in managing Baitulmal MUIP's income sources: the need for increased and diversified income streams, and challenges in collaboration with stakeholders. Weak zakat collection performance compared to other states and constraints in implementing waqf-based economic investments were identified as key factors affecting the institution's financial capacity. In addition, bureaucratic issues, a lack of skilled personnel, and low levels of inter-agency cooperation were also found to hinder operational effectiveness. To address these challenges, the study proposes several key strategies, including income diversification through Shariah-based strategic investments, digitalization of collection and distribution systems, enhancement of human resource competencies, strengthening of strategic partnership networks, and a review of legal frameworks and internal policies. These recommendations aim to strengthen the financial position of MUIP's Baitulmal and ensure that the institution remains relevant as a catalyst for the socio-economic development of Muslims in Pahang. Overall, the study emphasizes that a holistic transformation of Baitulmal management is essential to ensure the sustainability of its functions in line with the maqasid shariah and contemporary Islamic development aspirations.

Keywords: Challenges, Baitulmal Income Sources, Pahang Islamic Religious and Malay Customs Council (MUIP).

PENGENALAN

Secara umumnya, Baitulmal dikenali sebagai rumah harta. Dalam konteks kewangan Islam, Baitulmal juga lebih dikenali dengan tepatnya sebagai perbendaharaan negara (Abdul Rahman, 2003). Baitulmal juga dirumuskan sebagai sebuah institusi kewangan yang berfungsi untuk menyelenggarakan segala jenis harta umum dan sebagai tempat penyimpanan barang-barang berharga seperti wang emas atau perak (Jahidin. et.al, 2021). Dalam erti kata yang lain, ia berperanan sebagai pusat penyimpanan dan pelaburan harta umat Islam. Sebagai institusi kewangan Islam yang penting, Baitulmal berfungsi sebagai pengurus harta alih dan tidak alih umat Islam termasuk zakat, wakaf, sedekah dan sumber lain yang sah dari sudut syarak (Musliman, et.al, 2023). Di Pahang, Baitulmal diuruskan di bawah seliaan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) (Enakmen, 1991) dan keberkesanannya bergantung pada keupayaan dalam menjana dan mengurus sumber pendapatan secara cekap dan bersepadu. Namun, dalam era kontemporari ini, Baitulmal berdepan dengan pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian serius untuk menjamin kelangsungan fungsinya sebagai pemangkin ekonomi umat Islam. Kajian oleh Jahidin et.al. (2021) menunjukkan kepelbagaian sumber pendapatan Baitulmal di zaman Rasulullah SAW terus meningkat di zaman khulafa al-Rashidin di sebalik menghadapi cabaran-cabaran yang ada. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran yang dihadapi MUIP dalam menguruskan sumber pendapatan di Baitulmal. Di akhir kajian, pengkaji telah mencadangkan usaha dan tindakan yang perlu ditambah baik bagi meningkatkan dan memperkasakan

sumber pendapatan Baitulmal.

KAJIAN LEPAS

Institusi Baitulmal merupakan entiti penting dalam sistem kewangan Islam yang berperanan mengurus harta umat Islam bagi tujuan kebajikan dan pembangunan sosioekonomi. Di Malaysia, peranan Baitulmal berada di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri, yang bertanggungjawab terhadap pengumpulan, pelaburan, dan pengagihan sumber kewangan Islam seperti zakat, wakaf, sedekah dan hasil pelaburan. Beberapa kajian lepas telah meneliti pelbagai aspek berkaitan struktur, kecekapan dan cabaran institusi ini.

Ahmad Che Yaacob (2017) dalam kajiannya *Kajian Kemungkinan Penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan* meneliti kebolehlaksanaan pembentukan entiti nasional yang menyelarasi fungsi Baitulmal di seluruh Malaysia. Kajian tersebut mendapati bahawa majoriti responden daripada kalangan pegawai Majlis Agama Islam negeri menyokong penubuhan sebuah badan penyelaras nasional bagi memperkukuh fungsi Baitulmal sebagai entiti pelaburan strategik. Penemuan ini menunjukkan bahawa pengurusan Baitulmal masih memerlukan struktur pengurusan yang lebih sistematik, terutama dari segi penyelarasan dasar dan pelaburan antara negeri.

Kajian Abdul Rahman Musliman dan Zamzuri Zakaria (2023) pula dalam *Analisa Literatur Mengenai Kajian Tentang Masalah Baitulmal dalam Pengurusan Harta Pusaka Tak Alih di Negeri Johor* menyoroti kelemahan dari aspek pentadbiran harta kekal seperti tanah dan bangunan. Kajian ini mendedahkan bahawa isu kekurangan kepakaran, kelewatan dalam pemindahan hak milik, serta kekangan undang-undang menyebabkan banyak aset Baitulmal tidak produktif. Dapatan ini menunjukkan keperluan kepada penambahbaikan mekanisme pengurusan aset agar Baitulmal dapat menjana pendapatan secara mampan.

Dari perspektif teknologi, Muhammad Ikhlas Rosele, Zulkifli Hasan, dan Zainal Abidin (2023) dalam kajian *The Digitalized Zakat Management System in Malaysia and the Way Forward* menegaskan bahawa pendigitalan sistem zakat telah meningkatkan kecekapan pengurusan, ketelusan, serta keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat. Kajian ini menunjukkan bahawa adaptasi teknologi digital turut berpotensi diterapkan dalam pengurusan Baitulmal untuk mempercepat urusan kutipan, pelaburan dan pengagihan dana. Dapatan ini sangat relevan bagi MUIP yang sedang memperluas penggunaan sistem digital dalam operasi kewangan Islam.

Sementara itu, Norfaridah Ali Azizan, Noor Inayah Yaakub, dan Nor Asiah Yaakob (2023) melalui kajian bertajuk *Agribusiness as the Solution for the Underutilized Waqf Lands: A Viewpoint from the Waqf Administrators* meneliti potensi pembangunan ekonomi berasaskan tanah wakaf yang kurang dimanfaatkan. Kajian mendapati bahawa hampir 87% tanah wakaf di Malaysia belum dibangunkan, dan pengkaji mencadangkan pendekatan agribisnis serta pelaburan hartanah Islamik untuk menjana hasil berterusan. Penemuan ini membuka peluang bagi institusi Baitulmal dan MUIP untuk mengintegrasikan model pelaburan wakaf produktif sebagai sumber pendapatan tambahan.

Dalam konteks negeri Pahang sendiri, Syarah Syahira Mohd Yusoff dan Muhammad Adham Fikri Mohd Zaib (2024) melalui kajian *Proper and Effective of Waqf Share Fund Utilization and Management: A Study of Majlis Ugama Islam Pahang's Wakaf Pahang* mendapati bahawa pengurusan Wakaf Pahang berada pada tahap yang baik dari segi akauntabiliti dan pengurusan kewangan. Namun, terdapat keperluan untuk memperkukuh aspek pelaburan komersial dan kerjasama strategik agar dapat menjana hasil yang lebih besar. Kajian ini membuktikan bahawa MUIP mempunyai potensi dan keupayaan institusi untuk memperluas sumber pendapatan Baitulmal melalui inovasi dalam pelaburan sosial Islam.

Secara keseluruhan, kajian lepas menunjukkan empat tema utama dalam pengurusan Baitulmal:

1. Struktur dan penyelarasan institusi masih belum seragam di peringkat nasional (Ahmad Che Yaacob, 2017).

2. Kecekapan pengurusan aset memerlukan pembaikan dari sudut teknikal dan undang-undang (Abdul Rahman & Zamzuri, 2023).
3. Penerapan teknologi digital mampu meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengurusan (Muhammad Ikhlas et al., 2023).
4. Inovasi pelaburan wakaf dan agribisnis menjadi sumber baharu bagi kelestarian kewangan Baitulmal (Norfaridah et al., 2023; Syarah Syahira & Muhammad Adham Fikri, 2024).

Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan fungsi dan cabaran institusi Baitulmal di Malaysia, masih kurang kajian yang menumpukan secara spesifik kepada strategi pengurusan sumber pendapatan Baitulmal di negeri Pahang, khususnya di bawah pentadbiran Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Sebahagian besar kajian terdahulu menilai isu umum seperti struktur pentadbiran, aset wakaf, atau digitalisasi zakat, tetapi tidak meneliti secara mendalam model integrasi antara sumber zakat, wakaf, dan pelaburan Baitulmal dalam konteks negeri. Oleh itu, kajian ini hadir untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menganalisis mekanisme pengurusan, strategi pelaburan, serta cabaran dan potensi sumber hasil Baitulmal MUIP secara komprehensif dan kontekstual

METODOLOGI

Kajian pendekatan kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes sebagai metodologi utama kajian. Sampel kajian ini diperoleh dengan temu bual secara separa berstruktur terhadap tujuh (7) informan yang berkeahlian dalam bidang Baitulmal, khususnya di negeri Pahang. Para informan ini dipilih berdasarkan kepakaran mereka yang meliputi aspek pengurusan dana Baitulmal iaitu terdiri daripada pegawai-pegawai Baitulmal, penyelidik dalam bidang pengurusan zakat dan wakaf serta pihak korporat yang pernah menerima dan memberi manfaat daripada program yang dijalankan oleh Baitulmal. Dalam konteks kajian ini, triangulasi digunakan untuk menganalisis hasil temu bual. Berikut merupakan senarai nama informan yang ditemubual.

Jadual 1.1 Senarai Informan Temu Bual

Nama	Jawatan	Singkatan Kajian
YH Dato' Hj Ahmad Hairi bin Hj Hussain	Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MUIP	Informan 01
YH Dato' Haji Halidan bin Md Daud	Bekas Pengurus Besar Kanan Pusat Kutipan Zakat Pahang	Informan 02
YDH Dato' Sri Md. Sharif bin Shamsuddin	Ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Kluster Ekonomi)	Informan 03
Encik Izhar bin Ahmad.	Pegawai Ekonomi Kanan MUIP	Informan 04
YH. Profesor Dato' Dr Haji Mohd Zawavi Bin Zainal Abidin.	Naib Canselor Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah	Informan 05
YDH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Seri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan	Bekas Timbalan Yang Dipertua (TYDP) MUIP	Informan 06

DAPATAN KAJIAN

Hasil dari temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati terdapat dua cabaran utama dalam menguruskan sumber pendapatan Baitulmal. Enam (6) daripada tujuh (7) informan menyatakan keperluan kepada pertambahan sumber pendapatan Baitulmal.

Informan 1 menyatakan :

“Kutipan zakat pun kita kena lebih kuat. Sebabnya bila kita dah mula cepat lulus, agih banyak, jadi kita pun kena ada sumber yang banyak. Kita nak bagi guna apa kalau duit tiada. Jadi hasil kenalah banyak, pelbagai dan kuat”.

Informan 2 menyatakan :

“Baitulmal ni adalah satu punca kutipan hasil. Jadi kalau dia banyak duit lagi banyak duit yang masuk ke Baitulmal, maka lagi baik. Sebab kita tak boleh bercakap tanpa duit. Kita boleh cakap kita nak rancang apa, nak buat bangunan kena ada duit, nak buat itu ada duit, nak buat ini ada duit. Jadi kita perkasakan apakah punca-punca hasil yang datang daripada baitulmal”.

Keupayaan Baitulmal untuk berfungsi secara efektif amat bergantung kepada kestabilan dan kekuatan kewangan institusi. Antara cabaran yang dikenal pasti ialah kelemahan kutipan zakat berbanding negeri lain. Sebagai contoh, menurut Laporan Tahunan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. (2022), kutipan zakat MUIP sekitar RM140 juta setahun masih jauh ketinggalan berbanding Selangor (RM400–500 juta) dan Wilayah Persekutuan (RM600–700 juta). Jurang ini menunjukkan perlunya strategi baru dalam memperkukuh sistem kutipan zakat, termasuk aspek promosi, digitalisasi dan kebolehpercayaan institusi.

Beberapa informan juga mencadangkan agar MUIP terlibat secara aktif dalam pelaburan ekonomi yang boleh menjana pulangan jangka panjang, seperti pembangunan hartanah, pengurusan hotel, pusat beli-belah, serta aktiviti komersial berasaskan wakaf. Pendekatan ini bukan sahaja memperluaskan portfolio hasil, malah membina kebergantungan yang lebih rendah terhadap kutipan zakat semata-mata.

Informan turut menegaskan bahawa peningkatan pendapatan tidak dapat dicapai tanpa staf yang mencukupi dan berkualiti. Selain itu, terdapat halangan dari sudut perundangan yang membantutkan usaha memperluaskan sumber dana Baitulmal, seperti kelewatan proses kelulusan projek atau pindah milik tanah wakaf.

Kesemua dapatan ini menyimpulkan bahawa Baitulmal memerlukan pelan pembangunan kewangan yang menyeluruh dan dinamik, serta penambahbaikan dalaman termasuk dalam aspek kecekapan pengurusan, latihan kakitangan dan dasar kewangan jangka panjang.

Cabaran kedua dalam menguruskan sumber pendapatan Baitulmal ialah Kolaborasi dengan Pihak Berkepentingan. Empat (4) daripada tujuh (7) peserta kajian menyentuh tentang cabaran kolaborasi yang dihadapi MUIP dalam pelaksanaan tugas-tugas Baitulmal. Isu-isu utama yang dikenal pasti meliputi kurangnya sokongan daripada pemimpin masyarakat tempatan seperti Tok Penghulu, imam dan pengerusi masjid didapati kurang memberikan maklumat penting tentang asnaf di kawasan mereka.

Keadaan ini memaksa MUIP mencari sendiri maklumat penerima, yang menjadi tugas berat memandangkan keluasan negeri Pahang.

Pengkaji juga mendapati wujudnya masalah hubungan dengan agensi luar dan pentadbiran tanah. Proses pengurusan tanah wakaf dan projek pembangunan sering tergendala kerana kelewatan dari agensi berkaitan, termasuk isu birokrasi dalam proses permohonan, pertukaran hak milik, premium tanah dan cukai.

Informan turut menyatakan sebahagian pihak luar hanya menunjukkan minat untuk bekerjasama apabila Baitulmal memiliki dana yang besar. Keadaan ini memberi isyarat bahawa kepercayaan dan komitmen jangka panjang dari pihak berkepentingan masih lemah.

PERBINCANGAN

Berikut merupakan beberapa cadangan strategik untuk memperkasa pengurusan sumber Baitulmal di MUIP:

Diversifikasi Sumber Pendapatan Baitulmal

Bagi menjamin kelangsungan kewangan jangka panjang, MUIP disarankan untuk memperluas sumber pendapatan Baitulmal melalui pelaburan strategik yang mematuhi prinsip-prinsip syariah. Sektor-sektor yang mempunyai potensi tinggi seperti hartanah, perhotelan, dan peruncitan boleh dijadikan instrumen pelaburan yang mampu menjana pendapatan berterusan. Pelaburan ini hendaklah dilaksanakan melalui kaedah yang telus dan selamat seperti mudarabah, musharakah, atau pajakan hartanah Islam (Ijarah Muntahia Bittamlik), bagi memastikan integriti dan akauntabiliti institusi sentiasa terpelihara.

Pendigitalan Sistem Kutipan dan Agihan

Keberkesanan pengurusan dana Baitulmal dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi digital dalam proses kutipan dan agihan. Penggunaan sistem pembayaran atas talian, aplikasi mudah alih serta sistem pengurusan data bersepadu dapat mempermudah transaksi, mempercepatkan pengesanan penerima yang layak, dan meningkatkan ketelusan. Di samping itu, teknologi seperti blockchain boleh dipertimbangkan untuk memastikan kebolehesanan (traceability) serta meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap ketelusan operasi Baitulmal.

Peningkatan Kualiti dan Kompetensi Sumber Manusia

Tenaga kerja yang berkeelayakan merupakan aset utama dalam memastikan kelancaran tadbir urus Baitulmal. Justeru, MUIP perlu melaksanakan program pembangunan profesional secara berkala yang merangkumi aspek pengurusan kewangan Islam, perundangan wakaf, serta teknologi maklumat. Selain itu, pertambahan bilangan staf yang memiliki kemahiran khusus dalam perancangan pelaburan dan pengurusan aset Islam juga wajar dipertimbangkan untuk memperkukuh kapasiti institusi.

Pemantapan Kerjasama Strategik dan Komunikasi Berkesan

Hubungan antara MUIP dengan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, tokoh masyarakat, dan institusi kewangan Islam perlu diperkuatkan melalui pendekatan komunikasi yang sistematik dan inklusif. Penubuhan rangkaian kerjasama melalui memorandum

persefahaman (MoU) serta penganjuran sesi libat urus secara berkala boleh meningkatkan tahap kerjasama dan memperkukuh jaringan sokongan sosial serta ekonomi dalam kalangan umat Islam.

Pemeriksaan Kerangka Perundangan dan Polisi Dalaman

Beberapa cabaran dalam pengurusan Baitulmal berpunca daripada kekangan perundangan sedia ada. Oleh itu, MUIP disaran untuk menyemak semula enakmen berkaitan serta dasar dalaman yang menjadi penghalang kepada kelancaran urusan pentadbiran dan pembangunan aset. Langkah ini termasuklah penyeragaman prosedur dengan pihak-pihak luar seperti pejabat tanah dan jabatan berkaitan, bagi memastikan proses pentadbiran tanah wakaf serta pemindahan hak milik dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan.

Cadangan-cadangan ini diharap dapat memberikan impak positif dalam meningkatkan keupayaan Baitulmal MUIP untuk mencapai objektif ekonomi dan sosialnya, selaras dengan maqasid syariah serta aspirasi pembangunan umat Islam secara holistik di negeri Pahang.

KESIMPULAN

Pengurusan sumber pendapatan Baitulmal MUIP berhadapan dengan cabaran yang kompleks tetapi mampu diatasi dengan pendekatan holistik yang melibatkan transformasi dari segi kewangan, pentadbiran dan kolaborasi. Kekuatan kewangan Baitulmal bukan sahaja penting untuk kelangsungan institusi, malah sebagai instrumen utama dalam memperkasa ekonomi umat Islam. Oleh itu, usaha penambahbaikan harus dipacu secara berterusan agar Baitulmal terus relevan dan berfungsi secara optimum demi kepentingan masyarakat Islam di negeri Pahang.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam penyediaan dan pelaksanaan kajian ini. Segala pandangan, analisis, dan cadangan yang dikemukakan adalah bersifat akademik dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, institusi, atau kepentingan peribadi.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua informan kajian yang sudi berkongsi pandangan dan pengalaman berharga mereka dalam bidang pengurusan Baitulmal. Tidak dilupakan, penghargaan turut diberikan kepada pihak Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) atas bantuan dan kemudahan yang disediakan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

SUMBANGAN PENULIS

Muhammad Assyifaa Uhayat bin Jahidin (Metodologi, Pengumpulan Data, Analisis Data & Penulisan-draf asal)

Mohammad Ramzi Bin Zakaria (Metodologi, Semakan Analisis Data, Penyuntingan)

Mohamad Hilmi Bin Mat Said (Metodologi, Penyuntingan & Penyeliaan)

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

Abdul Rahman. (2003). *Undang-undang Syariah* (trj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdul Rahman, M., & Zamzuri, Z. (2023). Analisa literatur mengenai kajian tentang masalah Baitulmal dalam pengurusan harta pusaka tak alih di Negeri Johor. *Jurnal Pengurusan Islam Malaysia*, 10(2), 45–58.
- Ahmad, C. Y. (2017). Kajian kemungkinan penubuhan Permodalan Baitulmal Kebangsaan. *Jurnal Ekonomi Islam Malaysia*, 5(1), 21–39.
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.
- Jahidin, M. A. U., Said, M. H. M., & Karim, M. S. A. (2021). Baitulmal management during the time of Rasulullah SAW and the ruling of Khulafa Ar-Rashidin. *Jurnal Al-Sirat*, 19(2), 103–111.
- Kamus Dewan. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Tahunan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. (2022).
- Muhammad Ikhlas, R., Zulkifli, H., & Zainal Abidin, M. (2023). The digitalized zakat management system in Malaysia and the way forward. *Journal of Islamic Finance and Management*, 14(1), 67–82.
- Musliman, A. R., & Zakaria, Z. (2023). Literature analysis on the study on Baitulmal problems in the management of immovable estates in the state of Johor. *UMRAN – Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(1), 35–45.
- Norfaridah, A. A., Noor Inayah, Y., & Nor Asiah, Y. (2023). Agribusiness as the solution for the underutilized waqf lands: A viewpoint from the waqf administrators. *Journal of Islamic Philanthropy*, 9(2), 12–28.
- Syarah Syahira, M. Y., & Muhammad Adham Fikri, M. Z. (2024). Proper and effective of waqf share fund utilization and management: A study of Majlis Ugama Islam Pahang's Wakaf Pahang. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 7(1), 55–71